


SYABAS beri bantuan

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (kiri) bersama Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Tan Sri Rozali Ismail menyampaikan bantuan bekalan air bersih sumbangan syarikat itu kepada mangsa banjir di FELDA Seberang Tayor, Kemaman, semalam. SYABAS turut menyampaikan bantuan lain seperti kain, makanan dan keperluan asas untuk penduduk di Kampung Seri Bandi, Padang Kubu dan Sungai Mas.



Terengganu tak berubah

» 65 pusat pemindahan banjir masih dibuka

Oleh Azman Mahmood, Zatul Iffah Zolkiply, Nur Farhanin Abdullah, Mohd Nor Asri Yaacob dan Syazwan Msar
bhkt@bharian.com.my

■ Kuala Terengganu

Jumlah mangsa banjir di Terengganu terus meningkat kepada 18,578 mangsa membabitkan 4,353 keluarga berbanding 14,885 mangsa daripada 3,523 keluarga kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Terengganu, berkata sehingga jam 6 petang semalam, 63 pusat pemindahan di lima daerah iaitu Dungun, Hulu Terengganu, Ke-

maman, Kuala Terengganu dan Marang masih dibuka.

Kemaman mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 12,150 mangsa (21 pusat pemindahan); Dungun, 5,319 mangsa (33 pusat pemindahan); Kuala Terengganu (1,002 mangsa), Marang (24 orang)

Dibenarkan pulang

Empat pusat pemindahan, masing-masing tiga di Setiu dan satu di Besut ditutup selepas semua mangsa dibenarkan pulang sejak pagi semalam.

Bagaimanapun, keadaan di

Kelantan dan Pahang semakin pulih.

Di Kelantan, sehingga jam 6 petang, seramai 4,757 mangsa masih berada di pusat pemindahan banjir membabitkan 1,744 keluarga dari tiga jajahan, manakala 1,873 lagi mangsa sudah dibenarkan pulang.

Tiga jajahan yang menempatkan mangsa banjir ialah Tumpat, Pasir Mas dan Kota Bharu membabitkan 12 pusat pemindahan mangsa banjir, manakala Pasir Puteh sudah ditutup.

Enam jalan ditutup

Hanya enam jalan yang masih ditutup kepada semua kenderaan iaitu di Kampung Siram di Kota Bharu, Kampung Pengkalan Rakit dan Bukit Tuku di Pasir Mas, Kampung Ana, Meranti, dan Kampung Jambu di Tumpat.

Bagaimanapun, paras air di

Sungai Golok mencatatkan 9.88 meter, melepasi paras bahaya 9 meter, manakala semua sungai lain di negeri ini berada di paras normal.

Di Pahang, hanya satu pusat pemindahan banjir masih dibuka sehingga jam 6 petang semalam. Pusat itu di Sekolah Kebangsaan (SK) Galing, Kuantan, yang dibuka sejak Isnin lalu masih diduduki 182 orang daripada 46 keluarga.

Tiga pusat lain di Kuantan, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gudang Rasau, Pusat Komuniti Kampung Pahang dan Pusat Komuniti Sungai Soi serta satu di Pekan sudah ditutup.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan nasihat hujan lebat peringkat kuning iaitu hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana yang dijangka berlaku di beberapa negeri.

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my